

UB134 A A B  
MAHATHIR - NAM

KUALA LUMPUR, 12 SEPT (BERNAMA) -- PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARIINI BERKATA MALAYSIA MAMPU MEMBAYAR SEGALA HUTANG LUARNYA DAN AKAN TERUS BERBUAT DEMIKIAN PADA MASA AKAN DATANG.

KATANYA, PENDAPAT MALAYSIA YANG DISUARAKAN PADA PERSIDANGAN KEMUNCAK PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI DI BELGRADE, YUGOSLAVIA MENGENAI PERLUNYA NEGARA-NEGARA KAYA MELUPUSKAN HUTANG YANG DIBERIKAN KEPADA NEGARA-NEGARA PEMINJAM YANG MISKIN, BUKANLAH DIBUAT BAGI PIHAK DIRINYA.

TERDAPAT NEGARA-NEGARA YANG TIDAK MAMPU MEMBAYAR HUTANG MEREKA DAN JIKA TERUS DIBEBANKAN DENGAN HUTANG YANG SEMAKIN MENINGKAT, MEREKA AKAN KEKAL SELAMA-LAMANYA DENGAN HUTANG YANG TIDAK MUNGKIN TERBAYAR, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DI SUBANG SEKEMBALINYA DARIPADA MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU.

PERDANAMENTERI BERKATA BEBANAN HUTANG YANG BERTERUSAN ITU BOLEH MENYEBABKAN NEGARA-NEGARA BERKENAAN MENJADI MUFLIS DAN TIDAK DIBENARKAN MEMBUAT PINJAMAN LAIN.

PERKARA INI TIDAK SEHARUSNYA BERLAKU PADA SESEBUAH NEGARA, WALAUPUN IA BOLEH TERJADI KEPADA SESEORANG PEMINJAM KERANA MASALAH ITU BOLEH MENAFIKAN KEMERDEKAAN NEGARA ITU SENDIRI, KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA SENDIRI, SEPERTI NEGARA-NEGARA PEMINJAM YANG MAMPU, AKAN TERUS MEMBAYAR SEGALA HUTANGNYA. -- LAGI.  
1731MST 12 09 89

U 8139 AAB  
MAHATHIR - NAM 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA KEHADIRAN MALAYSIA PADA PERSIDANGAN ITU MEMBAWA BANYAK MANFAAT KEPADA NEGARA KERANA TELAH DAPAT MENGEMUKAKAN PANDANGAN MENGENAI PELBAGAI ISU ANTARABANGSA TERUTAMA SOAL PELUPUSAN HUTANG, MASALAH ALAN SEKITAR DAN DADAH.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SIKAP KUASA-KUASA BESAR DAN NEGARA-NEGARA MAJU YANG TIDAK MENGHIRAUKAN SAMA SEKALI PERSIDANGAN ITU MEMANG SUDAH DIJANGKAKAN BAHKAN WARTAWAN HEREKA TIDAK MEMBUAT LAPORAN YANG BERPATUTAN BERKENAAN PENDAPAT BEBERAPA PEMIMPIN NAM.

MEREKA LEBIH BERMINAT MEMBURUK-BURUKKAN IMEJ BEBERAPATOKOH SEPERTI PEMIMPIN LIBYA KOLONEL MUAMMAR GHADAFI, KATANYA.

MENJAWAB SOALAN BAGAIMANA NAM AKAN MENARIK PERHATIAN NEGARA-NEGARA INI TERHADAP MASALAH MEREKA, DATUK SERI DR MAHATHIR MENARIK PERHATIAN KEPADA UCAPAN PENGURUSI SURUHANJAYA SELATAN-SELATAN JULIUS NYERERE PADA SIDANG PLENO NAM, YANG MENDESAK SUPAYA MASALAH DI NEGARA-NEGARA SELATAN DISELESAIKAN MELALUI KERJASAMA ERAT ANTARA MEREKA.

+tiENGHARAPKAN BANTUAN PIHAK LAIN HANYA AKAN MEMBAWAKEKECEWAAN,+ KATANYA. -- LAGI.  
1746MST 12 09 89

D022

UB148 A A B  
MAHATHIR - NAM 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PEMBENTUKAN KUMPULAN 16 ANGGOTA NAM TERMASUK MALAYSIA, YANG BERTUJUAN MEWUJUDKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN TERUTAMA DI BIDANG EKONOMI, PERDANA MENTERI MENJELASKAN SATU KUMPULAN KECIL PERLU DITUBUHKAN UNTUK PENYELESAIAN SESUATU ISU TERTENTU.

INI TIDAK BERMAKNA NEGARA-NEGARA BUKAN ANGGOTA KUMPULAN ITU TIDAK LAYAK KERANA MEREKA MASIH DIWAKILI DALAM ISU-ISU YANG DIBINCANGKAN, KATANYA.

MENURUT BELIAU, MESYUARAT PERTAMA BAGI KUMPULAN YANG DIJADUAL AKAN MENGADAKAN PERTEMUAN SETIAP TAHUN ITU, BELUH DITETAPKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SELAIN MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN BEBERAPA PEMIMPIN NAM DI BELGRADE BELIAU TELAH MENGADAKAN PERBINCANGAN MENGENAI ISU DUA HALA DENGAN PRESIDEN DAN PERDANA MENTERI YUGOSLAVIA.

SELEPAS PERSIDANGAN ITU, BELIAU TELAH HELAWAT PULAU CRETE YANG KINI MAJU SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN DAN BERJAYA MENARIK KIRA-KIRA 2.5 JUTA PELANCONG SETAHUN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DARIPADA PEMERHATIANNYA, BELIAU TELAH MEMBUAT BANYAK CATATAN MENGENAI KEMUDAHAN DAN CARA TARIKAN YANG DIKEMUKAKAN DI PULAU-PULAU ITU UNTUK PANDUAN INDUSTRI PELANCONGAN DI PULAU-PULAU NEGARA INI. -- BERNAMA.

1805MST 12 09 89